

DR. 33/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti
Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
'oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan
Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam
Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Aktiviti
Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1991. Tajuk ringkas
dan mula
berkuatkuasa.

(2) Seksyen 2 hendaklah berkuatkuasa bagi tahun
taksiran 1992 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan
1990 adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja
seksyen 10, seksyen baru 10A yang berikut: Seksyen baru
10A.
Akta 445.

"Ketak-
bolehkenaan
cukai bagi
aktiviti
perdagangan
luar
pesisir.

10A. (1) Walau apa pun peruntukan-
peruntukan dalam Bahagian II, suatu syarikat
luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti
perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti
perdagangan luar pesisir tidaklah boleh
dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran jika
dalam tahun taksiran itu syarikat luar pesisir
tersebut telah membayar suatu fee yang
ditetapkan di bawah seksyen 151 Akta Syarikat
Luar Pesisir 1990.

Akta 441

(2) Suatu syarikat luar pesisir yang tidak dikenakan cukai di bawah subseksyen (1) hendaklah dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan suatu tahun taksiran, memfailkan dengan Ketua Pengarah suatu akuan berkanun dalam borang yang ditetapkan."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

2. *Fasal 1* bertujuan membuat peruntukan bagi permulaan kuatkuasa pindaan yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan membuat peruntukan bagi ketakbolehkanaan cukai berkenaan dengan suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti perdagangan luar pesisir sekiranya dalam tahun taksiran itu syarikat luar pesisir tersebut telah membayar fee sebagaimana ditentukan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Syarikat luar pesisir itu walau bagaimanapun dikehendaki memfailkan suatu akuan berkanun sebagaimana ditetapkan dengan Ketua Pengarah dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan suatu tahun taksiran.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1684.]